



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PULAU PINANG SOKONG KPKM PERKENAL BERAS CAMPURAN, SH -ONLINE INDUSTRI PADI PADA TITIK TERENDAH, DALAM NEGERI, UM -7 KERAJAAN SELANGOR, P.PINANG CARI PENYELESAIAN HARGA BELIAN PADI, DALAM NEGERI, UM -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6.	MPKS MEMANDANG SERIUS BAHAYA PENYAKIT RABIES, UTUSAN BORNEO -ONLINE MEKANIK DITAHAN KES VIDEO TULAR PUKUL ANJING PELIHARAAN GUNA TUKUL BESI, BERNAMA -ONLINE KURSUS PENYEMBELIHAN AYAM TARIK MINAT WANITA, WANITA & KELUARGA, BH -21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8.	PENIAGA SANTAN TERJEJAS BEKALAN KELAPA KURANG, DALAM NEGERI, UM -7 'TUTUP PREMIS TERNAK AYAM DI KAMPUNG LADANG BATU', NASIONAL, BH -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2025	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pulau Pinang sokong KPKM perkenal beras campuran



Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong cadangan KPKM untuk memperkenalkan beras campuran yang menggabungkan beras tempatan dan beras import sebagai langkah penyelesaian terhadap keperluan para pesawah di negeri ini. Gambar hiasan (Gambar kecil: Fahmi)

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong cadangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk memperkenalkan beras campuran

yang menggabungkan beras tempatan dan beras import sebagai langkah penyelesaian terhadap keperluan para pesawah di negeri ini.

Ini susulan tunjuk perasaan oleh kumpulan [pesawah](#) di negeri ini, pada yang menuntut [harga lantai belian padi](#) dinaikan ke RM1,800 untuk satu tan metrik.

Exco Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata, seperti sedia maklum, harga RM26 untuk kampil 10kg itu merupakan harga yang dikeluarkan pada tahun 2008 lagi.

Menurutnya, harga ini perlu melalui penstrukturan semula berikutan kos-kos pengeluaran yang meningkat naik dari masa ke masa.

Bagaimanapun katanya, kajian terperinci perlu dibuat selain mencari alternatif lain supaya tidak membebankan para petani dan rakyat khususnya.

Perhimpunan aman pesawah Pulau Pinang yang diadakan pada Ahad menuntut harga lantai belian padi dinaikan ke RM1,800 untuk satu tan metrik.



"Pada masa sama, bahang mengenai ketidakpuasan hati dengan harga jualan padi yang dibangkitkan oleh pesawah perlu diambil perhatian.

"Perkara ini telah mendapat perhatian Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan

mencadangkan akan mewujudkan sebagai solusi kepada kehendak petani di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong penuh cadangan menteri untuk mengkaji jualan beras campuran tempatan dan import seterusnya membentangkan kepada Perdana Menteri," katanya menerusi kenyataan di sini, pada Isnin.

Fahmi berkata, pihaknya menyokong penuh usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di dalam menyelesaikan sebarang isu berkaitan padi dan beras demi menjamin pengeluaran sumber makanan nasional terus berada di tahap terbaik.

Industri padi pada titik terendah



ANALISIS

Oleh MOHD. HAFIZ

FALSAFAH KEMERDEKAAN



Kehidupan

para pesawah
kebanyakan masih
berada di bawahparas kemiskinan
dan mereka tidakada pilihan terpaksa
juga mengusahakan

tanaman kerana ia

merupakan satu-
satunya sumber

pendapatan."

MOHD. NOOR HASHIM

dalam dua tahun bagi meningkatkan hasil beras negara. Pada tahun 2023, petani padi di negeri ini memperoleh pendapatan purata RM1,000 bagi hektar satu hektar untuk hasil sekitar dua tan metrik. Kerja pagi dan petang, membanting tulang sehingga enam-bulan, adalah penat lelah yang dihadapi oleh petani pesawah.

Kehidupan para pesawah kebanyakan masih berada di bawah paras kemiskinan dan mereka tidak ada pilihan terpaksa juga mengusahakan tanaman kerana ia merupakan satu-satunya sumber pendapatan meskipun berdepan dengan masalah yang sangat kompleks.

Bagi seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, yang melarikan kepada *Urusan* Malaya, petani padi yang rendah dengan pelbagai isi sejak beberapa tahun ini.

Kos tanaman meningkat, harga belian padi meruncit, dan petani terpaksa membeli banyak masalah lain yang membelenggu pesawah.

Bagi Mohd. Noor, dia melihat keadaan industri padi di negeri ini semakin meruncit dan berbanding dengan pesawah.

Dahulu, jarang mendengar masalah seperti ini. Kalau ada sekali pun hanya berkaitan penyakit atau bencana.

Adalah masalah untuk petani menyelesaikan hasrat mengorbankan tanaman padi lima kali sebelum tanaman padi lima kali



NOORANI Saat menunjukkan keadaan di ruang mesin kelapa yang kehilangan stok kelapa di kedai santan yang diusahakan di Kampung Baragat di Teluk Intan, Perak. - UTUSAN/AN SA'PRE BIDIN

Peniaga santan terjejas bekalan kelapa kurang

TELUK INTAN: Peniaga santan segar di sini terjejas berikutan kekurangan bekalan kelapa terutamanya dari kawasan Bagat Datuk. Peniaga santan yang ditemui di sini, sama ada yang menjual kelapa setiap tiga hari untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Kekurangan santan ketika ini disebabkan pelanggan saya datang membeli kelapa dari kawasan lain. Mereka datang dari kawasan lain untuk membeli kelapa kerana mereka perlu menyediakan makanan dalam satu kelapa yang lain seperti di

Kerajaan Selangor, P. Pinang cari penyelesaian harga belian padi

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor dan Pulau Pinang sedang mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah harga belian padi yang rendah yang dihadapi oleh petani.

"Mungkin ada isu kualiti hasil padi yang rendah. Kerajaan negeri akan membantu (pajak) petani yang mengalami masalah ini," jelasnya.

Peninggiran harga belian padi terhadap keluhan para pesawah di negeri ini berhubung isu sama. Menteri Pertanian, Kerejatan dan Perikanan, Falmi Zainol

"Harga RM26 untuk kumpul 10 kilogram (kg) beras itu merupakan harga yang dibayar oleh petani. Harga ini adalah harga yang dibayar oleh petani. Harga ini adalah harga yang dibayar oleh petani.

yang meningkatkan nilai dari masa ke masa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2025	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MPKS memandang serius bahaya penyakit rabies



Minos (kiri) bersama kakitangan UNIMAS merakam gambar bersama pemenang pertandingan mewarna anti-rabies (tengah).

KUCHING: Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) bersama beberapa agensi lain telah menganjurkan Program Penglibatan Komuniti Anti-Rabies MPKS 2025 di pekarangan Open University Malaysia (OUM), Sabtu lepas.

Program tersebut dihadiri orang awam termasuk ibu bapa bersama anak-anak bagi mendengar ceramah dan dialog mengenai bahaya rabies serta langkah-langkah pencegahan.

Pengerusi MPKS Dato Peter Minos yang turut hadir pada program itu berkata rabies adalah penyakit yang digeruni disebarkan oleh anjing dan kucing yang dijangkiti rabies.

Lebih menakutkan rabies kata Minos, boleh mengundang maut jika individu yang dijangkiti lewat mendapatkan rawatan.

“Sebab itu kita di MPKS mengadakan program ceramah dan dialog tahunan di Samarahan untuk memberi amaran kepada penduduk tentang ancaman rabies dan cara mencegah penyakit yang digeruni ini.

“MPKS tidak mahu orang ramai leka akan bahayanya rabies dan orang ramai mesti sentiasa diberi amaran tentangnya.

“Kesihatan awam adalah kebimbangan kita dan kita mesti melakukan bahagian kita dalam mencegah dan memerangi rabies ini,” katanya.

Selain OUM, program tersebut turut mendapat kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jabatan Veterinar Sarawak, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan lain-lain.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk pemasangan mikrochip percuma, vaksin anti-rabies percuma, baucar pemandulan haiwan, pelesenan anjing, pertandingan mewarna dan pameran serta kuiz kesihatan.

taip untuk carian

JENAYAH & MAHKAMAH > BERITA

Mekanik Ditahan Kes Video Tular Pukul Anjing Peliharaan Guna Tukul Besi

🕒 20/01/2025 07:03 PM



Kredit: FB Malaysian Dogs Deserve Better

IPOH, 20 Jan (Bernama) -- Seorang mekanik ditahan kerana disyaki memukul seekor anjing peliharaannya menggunakan tukul besi di sebuah taman perumahan di Taman Ria, di sini.

Ketua Polis Daerah Ipoh ACP Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata tangkapan ke atas lelaki berusia 42 tahun itu dilakukan setelah laporan polis dibuat hari ini oleh pengadu yang melihat rakaman video kejadian berkenaan di laman Facebook.

Beliau berkata suspek dipercayai bertindak demikian akibat marah digigit haiwan peliharaannya itu dalam kejadian yang didakwa berlaku kira-kira pukul 8 malam, Sabtu lepas.

"Anjing berkenaan telah diselamatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV) negeri bagi tujuan rawatan dan senjata serta baju yang dipakai suspek semasa kejadian turut dirampas," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Beliau berkata siasatan lanjut mendapati suspek yang mempunyai empat rekod lampau berkaitan jenayah dan 17 narkotik memiliki lesen sah untuk memelihara haiwan berkenaan.

Abang Zainal berkata kes disiasat di bawah Seksyen 44 Akta Binatang 1953 iaitu kesalahan menganiaya dan khianat terhadap haiwan.

Terdahulu, tular video berdurasi 43 saat di laman sosial Facebook Malaysian Dogs Deserve Better memaparkan seorang lelaki memukul seekor anjing dengan sebatang tukul besi dan video berkenaan telah dirakam seorang individu, dipercayai tinggal berhampiran kawasan kejadian.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA;

21/1/2025

BERITA
HARIANWANITA &
KELUARGA

21

SURAT

Kursus penyembelihan ayam tarik minat wanita

Peserta teruja
ikuti program,
raih ilmu
pengetahuan
baharu

mengetahui cara penyembelihan haiwan akan memberi kelebihan kepada saya.

"Sepanjang kursus sebagai penangan berkaitan penyembelihan diberikan kaktangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) sekaligus memberi banyak pemahaman berkaitan hal ini.

"Pandangan wanita tidak boleh melakukan penyembelihan adalah tidak benar dan ia diterangkan dalam kursus," katanya.

Nur Alia berkata, sebelum ini dia juga seperti wanita lain ngeri melihat darah namun kini alah bisa tegal biasa.

"Bagaimanapun, untuk menyembelih haiwan ternakan seperti kambing, saya belum mempunyai keberanian biarpun yakin boleh melakukannya," katanya.

Bagi Nurfatimah Abdullah, 56, yang ada kemahiran menyembelih ayam dan sudah berusia melebihi setengah abad, tidak ketinggalan mahu mengikuti kursus itu.

Katanya, dia juga banyak mendapat ilmu pengetahuan baharu kerana penceramah menerangkan lebih terperinci mengenai penyembelihan termasuk berkaitan adab ketika melakukannya.

Click Above Hamizam Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Di tengah-tengah kelompok peserta lelaki yang mengikuti kursus penyembelihan, kelihatan ada wanita yang turut menyertai program berkenaan.

Bukan semua wanita berani melakukan kerja penyembelihan yang lazimnya, dilakukan lelaki apatah lagi membabitkan darah.

Namun bagi Nur Alia Lubis, 22, dia teruja mengikuti kursus itu kerana mahu mendalami lagi ilmu berkaitan menyembelih haiwan ternakan seperti ayam.

Katanya, dia pernah belajar menyembelih ayam ketika berusia 12 tahun dengan tunjuk ajar guru agama sekolah rendah selain pernah mengikuti kursus ketika menamatkan latihan industri di Pejabat Agama Islam Daerah Seremban.

"Disebabkan saya pelajar dalam Diploma Teknologi Makanan,

Pandangan wanita tidak boleh melakukan penyembelihan adalah tidak benar dan ia diterangkan dalam kursus

Nur Alia
Lubis,
Peserta

Banyak ilmu pengetahuan baharu kerana penceramah menerangkan lebih terperinci mengenai penyembelihan termasuk adab ketika melakukannya

Nurfatimah
Abdullah,
Peserta

dianjurkan mendapat kerjasama JHEAINS, JPVNS dan Pejabat Parlimen Jelebu dihadiri 50 peserta termasuk wanita.

"Penyertaan wanita diharapkan dapat meramalkan lagi golongan wanita dalam melakukan penyembelihan selain menambah lagi pengetahuan berkaitan hal ini," katanya.

Peserta ketika menyertai kursus sembelihan di Kampung Tambah Tin.

(Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

"Ini kali pertama saya mengikuti kursus secara formal sebab dimaklumkan dan tidak mahu melepaskan peluang menyertainya.

"Kebanyakan wanita memang takut apabila melihat darah termasuk saya, namun ia bukan alasan bagi saya apatah lagi ilmu ini sangat berguna buat diri sendiri," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tambah Tin, Khalid Lubis Amran berkata, kursus

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

'Tutup premis ternak ayam di Kampung Ladang Batu'

ADUN Tanjung Sepat gesa ambil tindakan kerana pemilik sudah dikompaun tiga kali

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Premis penternakan ayam di Kampung Ladang Batu, Tanjung Sepat, Kuala Langat, yang sudah dikompaun tiga kali perlu ditutup.

Gesaan dibuat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah susulan bantahan penduduk ke atas premis yang didakwa menjerai punca ribuan lalat mengganggu kehidupan mereka sejak tiga tahun lalu.

"Sebelum ini pihak kami sudah memanggil semua agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah, semua penternak serta wakil penduduk untuk bersemuka berbincang isu ini.

"Penyelesaian ketika itu, tindakan boleh diambil ke atas (premis

Kampung Ladang Batu diserang lalat

Situasi sejak tiga tahun lalu dipercayai berpunca dari ladang ayam

Situasi sejak tiga tahun lalu dipercayai berpunca dari ladang ayam. Premis penternakan ayam di Kampung Ladang Batu, Tanjung Sepat, Kuala Langat, yang sudah dikompaun tiga kali perlu ditutup. ADUN Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah, mengemukakan bantahan penduduk ke atas premis yang didakwa menjerai punca ribuan lalat mengganggu kehidupan mereka sejak tiga tahun lalu.

Keratan akhbar BH, semalam.

penternakan) yang tidak mengikut peraturan. Jadi, mana-mana (premis penternakan) yang sudah didenda atau dikompaun tiga kali, ia perlu ditutup.

"Tindakan tegas ini perlu ada, kalau tidak pengusaha main-main. Bagi mereka, ini bukan isu berat," katanya ketika ditemui media pada majlis Pembukaan Semula Muzium Sultan Alam Shah, di sini.

Nasihat sudah diberi

Beliau mengakui, sebelum ini sudah mengadakan pertemuan dengan penternak serta memberi nasihat bagaimana mahu menyelenggara premis masing-masing seperti semburan racun yang boleh digunakan.

"Bagaimanapun, sekejap sahaja dipraktikkan. Kita tidak halang mereka mengusahakan penternakan, tetapi kena jaga sensitiviti masyarakat, perlu ambil berat



Borhan (kanan) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Rozzana Rahmat (kiri) melawat pameran di Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam. (Foto Faiz Anuar/BH)

masalah penduduk di kawasan itu," katanya memaklumkan terdapat kira-kira 11 premis penternakan ayam beroperasi sekitar kawasan terbabit.

Kelmarin, media melaporkan kehidupan 104 keluarga dengan kira-kira 500 isi rumah di kampung itu terganggu dengan kehadiran ribuan lalat sejak tiga tahun lalu, bukan hanya di meja makan dan tandas, tetapi juga gangguan

ketika tidur, rehat atau solat sehingga memasuki rongga hidung dan telinga.

Malah, ketika mandi dan membersihkan diri dengan sabun, badan mereka juga dihinggapi lalat dengan jumlah yang banyak. Keadaan tidak selesa dan merimaskan itu berlanjutan sejak tiga tahun lalu, dipercayai berpunca dari sebuah premis penternakan ayam berhampiran.